

# UPM, Sunzen kerjasama kaji produk kesihatan haiwan

**U**NIVERSITI Putra Malaysia (UPM) akan meningkatkan kerjasama dengan syarikat peneraju produk kesihatan haiwan, Sunzen Biotech Berhad (Sunzen) menerusi memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani, baru-baru ini.

Kerjasama untuk tempoh 10 tahun itu bakal diterajui Fakulti Perubatan Veterinar UPM dengan memfokuskan bidang penyelidikan produk kesihatan haiwan ternakan serta pengukuhan program sedia ada di antara kedua-dua pihak.

MoU itu disempurnakan Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha Raja Abdullah, manakala Sunzen

diwakili Pengarah Urusannya, Dr Tan Kim Sing dengan disaksikan Dekan Fakulti Perubatan Veterinar, Prof Madya Dr Bashir Ahmad Fateh Mohamed serta Pengarah Eksekutif Sunzen, Dr P C Kok.

Nik Mustapha menyifatkan pemeteraian MoU itu sebagai tanda rasmi kerjasama UPM dengan Sunzen yang terjalin sejak tiga dekad lalu khususnya dalam memastikan pengeluaran haiwan ternakan yang selamat, tahan serangan penyakit serta mengurangkan pencemaran alam sekitar.

"Sebanyak 14 projek penyelidikan berjaya dijalankan setakat ini menerusi kerjasama dengan Sunzen,

kebanyakannya dalam menghasilkan makanan tambahan bersesuaian bagi mengelakkan penggunaan antibiotik berlebihan kepada haiwan.

"Selain kerjasama penyelidikan, MoU ini diharap dapat mengukuh kegiatan termasuk peluang latihan praktikal di ladang Sunzen bagi pelajar siswazah bidang veterinar serta penganjuran kursus singkat Program Pembangunan Profesional di antara kedua-dua pihak," katanya.

Sementara itu, Tan merakamkan penghargaannya kepada UPM yang membantu membangunkan produk kesihatan haiwan ternakan termasuk makanan tambahan

Orgasid dan Mamimune yang bukan saja mencatat jualan tinggi di negara ini malah menembusi pasaran luar negara.

"Pembangunan makanan tambahan dihasilkan UPM yang selamat, mesra alam, berkualiti dan mampu meningkatkan imuniti haiwan terhadap penyakit membuatkan ia laris di negara ini serta pasaran global.

"MoU ini membolehkan kami terus mendapat kepakaran UPM dalam membangunkan produk yang bukan saja selamat malah mesra pengguna kerana dapat mengelakkan kesan penggunaan antibiotik berlebihan," katanya.



**DR BASHIR (dua dari kiri) bertukar dokumen dengan Dr Nik Mustapha.**